

# Memperkuuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan

## PENGENALAN

### RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

Memperkuuh Keusahawanan Bumiputera  
Memperluas dan Meningkatkan Pemilikan  
Kekayaan Bumiputera

Menyediakan Bumiputera untuk Pekerjaan  
Bergaji Tinggi

## ISU DAN CABARAN

Penyertaan yang Rendah dalam Bidang  
Profesional dan Pekerjaan Berkemahiran Tinggi

Sasaran Pemilikan Kekayaan Belum Tercapai  
Keupayaan untuk Memiliki Aset Bukan  
Kewangan yang Rendah

Pembangunan Komuniti Ekonomi Bumiputera  
Masih Ketinggalan

Kekurangan Penyelarasan dalam Sistem  
Penyampaian

### RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

Memperkasa Modal Insan Bumiputera  
Meningkatkan Penguasaan Efektif Bumiputera  
dan Pemilikan Korporat yang Mampan

Meningkatkan Syer Pemilikan Kekayaan  
Bumiputera

Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera  
Mengukuhkan Keberkesanan Penyampaian  
Program Berorientasikan Bumiputera

## KESIMPULAN

## Kertas Strategi

# 3

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

---

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.**

## I. PENGENALAN

3.1 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, objektif Agenda Pembangunan Bumiputera adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan taraf hidup Bumiputera, selaras dengan falsafah pembangunan dengan ekuiti. Tumpuan diberikan kepada usaha untuk memperkuuh keusahawanan, meningkatkan pemilikan melangkaui ekuiti korporat dan menambah bilangan Bumiputera dalam pekerjaan bergaji tinggi. Walaupun inisiatif ini telah berjaya meningkatkan pendapatan purata bulanan daripada RM3,624 pada tahun 2009 kepada RM5,548 pada tahun 2014, ketidakseimbangan sosioekonomi masih wujud. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, tumpuan Agenda Pembangunan Bumiputera adalah kepada memperkuuh latihan kemahiran dan profesional, meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dan aset bukan kewangan serta memperluas peluang keusahawanan dan perniagaan.

## II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

3.2 Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memacu Agenda Pembangunan Bumiputera. Inisiatif ini termasuk penubuhan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) serta pelancaran Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputera. Halatuju ini mengandungi dasar dan dimensi strategik baru bagi penyertaan sosioekonomi Bumiputera. Pada September 2013, program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera telah diumumkan dan MTAB dinamakan semula sebagai Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB). Lima bidang fokus dan 34 *touch points* telah diperkenalkan, termasuk penubuhan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di setiap Kementerian. Penubuhan UPEB mewujudkan satu struktur tadbir urus baru bagi memastikan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara lebih efektif dan mampan.

3.3 Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014, pendapatan bulanan purata (pendapatan purata) isi rumah Bumiputera meningkat 8.9% daripada RM3,624 pada tahun 2009 kepada RM5,548 pada tahun 2014. Pendapatan penengah isi rumah meningkat 10.7% daripada RM2,531 pada tahun 2009 kepada RM4,214 pada tahun 2014. Pendapatan purata di luar bandar meningkat 9% daripada RM2,460 kepada RM3,788 manakala di bandar sebanyak 7.3% daripada RM4,458 kepada RM6,340. Peningkatan pendapatan penengah di luar bandar daripada RM1,771 kepada RM3,093 atau pada kadar 11.8% adalah lebih tinggi berbanding di bandar iaitu daripada RM3,271 kepada RM4,880 atau 8.3%.

3.4 Insiden kemiskinan dalam kalangan isi rumah Bumiputera menurun daripada 5.3% pada tahun 2009 kepada 0.8% pada tahun 2014. Indeks pekali Gini Bumiputera bertambah baik daripada 0.440 kepada 0.389. Indeks pekali Gini yang lebih rendah, iaitu 0.354 di luar bandar berbanding 0.378 di bandar menunjukkan agihan pendapatan yang lebih seimbang di luar bandar. Ini antara lain, adalah disebabkan oleh bilangan isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) yang tinggi di luar bandar dan kedudukan ekonomi yang tertumpu kepada aktiviti berkaitan pertanian.

## Memperkuuh Keusahawanan Bumiputera

3.5 Penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi adalah masih rendah. Berdasarkan maklumat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pada tahun 2014, sebanyak 283,200 syarikat atau 27.6% daripada 1,026,100 syarikat yang berdaftar adalah syarikat Bumiputera. Mengikut Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005, sebanyak 241,281 atau 37.4% daripada 645,136 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah milik Bumiputera. Daripada jumlah PKS Bumiputera tersebut, sebanyak 218,930 atau 90.7% merupakan perusahaan mikro.

3.6 Pembangunan kemahiran keusahawanan dan penyediaan bantuan kewangan merupakan antara usaha untuk memperkuuh keusahawanan Bumiputera. Program pembangunan keusahawanan termasuk peningkatan kapasiti usahawan dalam bidang seperti pembungkusan, pemasaran dan penjenamaan produk. Bantuan kewangan diberikan mengikut saiz dan aktiviti perniagaan iaitu daripada pembiayaan mikro sehingga pembiayaan berskala besar.

3.7 Sejumlah 413,278 usahawan mikro dan kecil telah mendapat manfaat daripada pinjaman yang disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional yang berjumlah RM8.6 bilion. Di bawah program AIM, jumlah usahawan yang memperoleh pendapatan lebih daripada RM3,500 telah meningkat daripada 27,770 usahawan pada tahun 2010 kepada 128,450 usahawan pada tahun 2014. Pada tahun 2013, 32.7% usahawan yang menerima pinjaman TEKUN Nasional telah berjaya meningkatkan hasil mereka antara 50% hingga 150%. Bagi menangani keperluan ruang perniagaan pula, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah membina atau membeli 458 ruang niaga, terutamanya di lokasi yang strategik.

3.8 Bagi syarikat di tahap pembangunan dan pertumbuhan, bantuan kewangan berjumlah RM495.2 juta telah disediakan kepada 760 PKS Bumiputera melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Venture Capital Management Berhad, Malaysia Debt Venture Berhad dan Multimedia Development Corporation. Bantuan

diberikan dalam bentuk geran, pinjaman dan modal teroka bagi pembangunan teknologi untuk meningkatkan kualiti produk dan mematuhi piawaian. Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp) telah menyediakan bantuan kewangan dan khidmat nasihat untuk meningkatkan kapasiti PKS Bumiputera. Komponen program ini termasuk latihan, penambahbaikan proses pengeluaran, pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan produk, pensijilan, akses kepada pasaran dan aktiviti promosi. Sejumlah RM71.4 juta telah disediakan kepada 574 usahawan bagi program ini.

3.9 Program Pembangunan Vendor (VDP) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terus dilaksanakan bagi memperkuuh keusahawanan Bumiputera. Secara keseluruhan, VDP telah memberi manfaat kepada 2,923 vendor dengan 16 syarikat *anchor* dalam pelbagai industri seperti minyak dan gas, perkhidmatan kejuruteraan serta elektrikal dan elektronik. Di samping itu, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) juga menyumbang kepada Agenda Pembangunan Bumiputera melalui peningkatan pegangan saham Bumiputera dan pemilikan aset bukan kewangan serta mewujudkan peneraju dalam rantaian bekalan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-1*.

### Paparan 3-1

#### Sumbangan GLC dan GLIC dalam Agenda Pembangunan Bumiputera

##### SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>500 vendor</b> Bumiputera aktif di bawah VDP Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS)</li> <li>• <b>200 vendor</b> Bumiputera aktif di bawah VDP Pharmaniaga Bhd</li> <li>• <b>169</b> stesen minyak BHPetrol milik Bumiputera</li> <li>• <b>37</b> graduan Bumiputera dilatih menerusi SL1M dan <b>47</b> graduan menerusi program Young Engineer Scheme (YES)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM500 juta</b> kemudahan pembiayaan kepada PKS Bumiputera</li> <li>• <b>92%</b> graduan Bumiputera dilatih di bawah program SL1M</li> <li>• <b>65%</b> graduan diserap bekerja di bawah Program Peningkatan Tenaga Mahir</li> <li>• <b>RM18 juta</b> daripada RM30 juta pembiayaan biasiswa diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>170</b> graduan Bumiputera dilatih di bawah program SL1M</li> <li>• <b>94%</b> daripada <b>10,317</b> peluang pekerjaan di 39 lapangan terbang seluruh negara adalah Bumiputera</li> <li>• <b>35%</b> lot premis di Terminal KLIA2 dimiliki oleh usahawan Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>57%</b> kontrak diagihkan kepada syarikat Bumiputera</li> <li>• <b>RM3.2 bilion</b> nilai kontrak di bawah VDP diberikan kepada Bumiputera</li> <li>• <b>11,600</b> pelajar Bumiputera menerima biasiswa daripada Yayasan TM</li> <li>• <b>RM12.2 juta</b> bantuan kewangan pendidikan diagihkan kepada Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>44</b> graduan Bumiputera dilatih dan <b>11</b> diserap bekerja di bawah program GEMS</li> <li>• <b>30</b> graduan Bumiputera dilatih di bawah SL1M</li> <li>• <b>5,000</b> pelajar Bumiputera menyertai Program Pintar CCM</li> <li>• Membangunkan inisiatif Program Perkongsian Bumiputera</li> </ul>

##### SYARIKAT PELABURAN BERKAITAN KERAJAAN (GLIC)

				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>275</b> biasiswa kepada pelajar Bumiputera</li> <li>• <b>90%</b> penerima Bumiputera bagi inisiatif tanggungjawab korporat yang bernilai <b>RM335 juta</b></li> <li>• Majoriti daripada <b>129,000</b> pekerja bukan eksekutif di GLC adalah Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>35%</b> pemilikan ekuiti Bumiputera dalam pembangunan Kwasa Damansara dengan nilai pembangunan kasar (GDV) <b>RM50 billion</b></li> <li>• <b>23</b> pemaju Bumiputera dikenalpasti untuk perolehan tender bagi pembangunan <b>8.79 ekar</b> pembangunan bercampur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>95.2%</b> daripada <b>828 unit</b> rumah mampu milik di Taman LTAT, Kuala Lumpur dijual kepada anggota ATM</li> <li>• <b>RM9.7 juta</b> biasiswa diagih kepada <b>15,000 penerima</b></li> <li>• <b>44</b> daripada 49 pemilik francis 7-Eleven terdiri daripada anggota Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>8.3 juta</b> pendeposit dengan dana bernilai <b>RM46 bilion</b></li> <li>• <b>6.0%</b> kadar bonus tahunan dan <b>2.0%</b> bonus haji bagi tahun 2013</li> <li>• <b>5,000</b> syarikat Bumiputera berdaftar untuk perolehan TH</li> <li>• <b>1.5 juta</b> pelajar dan remaja Bumiputera menyertai program tabungan Kelab TaHa dan TaHa@U</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>40%</b> daripada <b>RM5 bilion</b> kontrak tender Projek Warisan Merdeka diperuntukkan kepada Bumiputera</li> <li>• <b>1.4 bilion unit</b> ASB2 dilanggar dengan produk bersaiz <b>10 bilion unit</b></li> </ul>

Sumber: Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC

3.10 TERAJU telah memperkenalkan program khas untuk menyediakan peluang perniagaan dan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera. Di bawah program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS), sebanyak 908 buah syarikat Bumiputera berpotensi tinggi layak diberi bantuan khas dan disediakan peluang perniagaan berdasarkan merit. Satu tabung khas telah diwujudkan dengan kerjasama SME Bank, RHB Islamic Bank, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Agro Bank dan MTDC yang berjumlah RM3.3 bilion bagi menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat ini. Sehingga tahun 2014, pembiayaan berjumlah RM919.9 juta telah diluluskan kepada 265 syarikat.

3.11 Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) telah diumumkan pada September 2013 dengan peruntukan berjumlah RM100 juta untuk tempoh tiga tahun bertujuan memudahkan cara syarikat baru yang beroperasi kurang daripada tiga tahun. Geran sehingga RM500,000 disediakan bagi menyokong idea perniagaan yang inovatif dan kreatif. Sehingga tahun 2014, 54 usahawan telah mendapat faedah daripada program ini dengan pembiayaan berjumlah RM27 juta. Di samping itu, 211 syarikat Bumiputera menggunakan dana sebanyak RM929.8 juta di bawah Dana Mudahcara untuk melaksanakan 234 projek sektor swasta. Program *Carve-out and Compete* telah diperkenalkan untuk memberi peluang kepada syarikat Bumiputera terlibat dalam projek mega. Projek ini termasuk *Mass Rapid Transit*, *Bukit Bintang City Centre*, Menara Warisan Merdeka, pembangunan tanah RRI di Sungai Buloh dan Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) dengan jumlah *carve-out* sebanyak RM23.5 bilion.

## Memperluas dan Meningkatkan Pemilikan Kekayaan Bumiputera

3.12 Dalam tempoh RMKe-10, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera telah meningkat. Peningkatan ini disumbangkan oleh inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai GLIC. Bagi meningkatkan pemilikan individu, pada 2 April 2014, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melancarkan sejumlah 10 bilion unit Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2). Sehingga tahun 2014, sebanyak 1.7 bilion unit saham telah dilanggan.

3.13 Dalam tempoh RMKe-10, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) telah diperuntukkan RM3.1 bilion bagi melabur dalam syarikat sedia ada bersaiz sederhana yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi untuk menjadi peneraju pasaran. EKUINAS telah melabur RM2.4 bilion dalam 33 syarikat dalam bidang pendidikan, peruncitan dan percutian, minyak dan gas, barang pengguna laris (FMCG), perkhidmatan dan penjagaan kesihatan. Gabungan modal antara EKUINAS dengan pihak pelabur persendirian telah membolehkan suntikan modal ekonomi sebanyak RM3 bilion.

3.14 Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) terus menyediakan bantuan *last-mile* kepada syarikat Bumiputera berkelayakan untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Sehingga tahun 2014, 10 syarikat telah berjaya disenaraikan dengan permodalan pasaran sebanyak RM4.1 bilion. Pada tahun 2014, skim ini telah distruktur semula dengan kerjasama antara EKUNAS dan TERAJU untuk meningkatkan keberkesanaan pelaksanaannya.

3.15 Program Pembangunan Usahawan Korporat (*The Baron*) telah dilancarkan oleh MARA pada tahun 2011 untuk membangunkan keusahawanan korporat melalui pemilikan ekuiti dalam entiti perniagaan. Program ini menyediakan pinjaman dan khidmat nasihat kepada individu untuk memperoleh ekuiti dan terlibat dalam pengurusan syarikat bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi. Antara industri yang terlibat adalah penerbangan, minyak dan gas serta perkhidmatan kejuruteraan. Sehingga tahun 2014, pinjaman sejumlah RM111.3 juta telah diperuntukkan kepada 32 usahawan.

3.16 Dasar untuk mengurangkan peranan Kerajaan dalam perniagaan melalui kaedah pelupusan aset bukan teras akan menghasilkan lebih banyak peluang perniagaan dan mengembangkan pasaran dalam kalangan usahawan Bumiputera tulen. Di bawah dasar ini, GLC akan melupuskan perniagaan bukan teras kepada usahawan Bumiputera yang berkelayakan. Sehingga tahun 2014, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan PNB telah melupuskan lima syarikat iaitu STL R Sdn Bhd, TM Resort, Celcom Childcare Sdn Bhd, Time Engineering Bhd dan U-Insurance Sdn Bhd kepada usahawan Bumiputera.

3.17 Dalam bidang aset bukan kewangan, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) telah diperuntukkan sebanyak RM600 juta untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam aset komersial seperti bangunan pejabat, gedung membeli-belah dan gudang logistik di lokasi strategik di bandar utama dalam negara. Sehingga tahun 2014, PHB telah memperoleh hartanah komersil bernilai RM3.9 bilion, termasuk Menara 1 Sentrum, Peremba Square dan Menara Prisma. PHB juga terlibat dalam pembangunan hartanah yang termasuk pembinaan pusat membeli-belah Nu Sentral dan blok bangunan tambahan Hospital Gleneagles di Kuala Lumpur. Di samping itu, PHB telah melancarkan dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) pada tahun 2010 bagi menyediakan peluang kepada pelabur Bumiputera memiliki hartanah komersial melalui pegangan unit dalam AHB. Sehingga tahun 2014, kesemua dua bilion unit AHB telah dilanggani sepenuhnya dan jumlah dividen yang dibayar kepada para pemegang unit berjumlah RM316 juta.

3.18 UDA Holdings Berhad (UDA), secara kumulatif sejak tahun 2001, telah menjual 77% atau 5,895 daripada 7,697 unit kediaman dan 83% atau 467 daripada 560 ruang niaga kepada Bumiputera. UDA juga telah memberi kontrak pembinaan yang bernilai RM679.1 juta kepada 95 kontraktor Bumiputera dan 201 kerja perundingan yang bernilai RM65.9 juta. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pula telah membina 29,692 unit kediaman

bagi Bumiputera yang terdiri daripada 20,002 unit Rumah Mesra Rakyat dan 9,690 unit Rumah Aspirasi Rakyat.

## **Menyediakan Bumiputera untuk Pekerjaan Bergaji Tinggi**

3.19 Antara langkah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan taraf hidup Bumiputera termasuk menyediakan pendidikan dan kemahiran teknikal yang diperlukan bagi memperoleh pekerjaan bergaji tinggi. Bagi tujuan ini, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk melaksana program pembangunan kapasiti bagi memenuhi keperluan ekonomi berpendapatan tinggi. Program Peneraju Skil dan Program Peneraju Profesional telah dilaksanakan dengan 2,623 peserta telah dilatih dalam bidang yang terpilih seperti minyak dan gas, kewangan serta perakaunan. YPPB juga melaksanakan Program Peneraju Tunas, yang menyediakan basiswa, tuisyen dan program mentor di peringkat sekolah, terutamanya kepada pelajar daripada latar belakang mencabar dan isi rumah berpendapatan rendah. Sehingga tahun 2014, seramai 1,355 pelajar telah ditawarkan basiswa.


3.20 MARA terus memainkan peranan utama dalam membangunkan modal insan Bumiputera melalui pelbagai institusi di bawahnya termasuk Maktab Rendah Sains MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). MARA turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian tinggi dan latihan teknikal. Dalam tempoh RMKe-10, seramai 101,010 pelajar telah memperoleh peluang melanjutkan pengajian dan 86,446 pelajar menerima bantuan kewangan daripada MARA.

3.21 GLC dan GLIC turut menyumbang secara signifikan bagi meningkatkan bilangan Bumiputera dalam pekerjaan bergaji tinggi. Daripada keseluruhan 225,050 tenaga kerja dalam GLC dan GLIC, sebanyak 178,191 atau 79% adalah terdiri daripada Bumiputera yang mana sebanyak 60,358 atau 34% menjawat jawatan di peringkat pengurusan eksekutif dan ke atas.

### III. ISU DAN CABARAN

3.22 Pada tahun 2014, pendapatan purata isi rumah Bumiputera adalah lebih rendah iaitu sebanyak 9.7% berbanding pendapatan purata peringkat nasional, manakala pendapatan penengah adalah lebih rendah iaitu sebanyak 8.1% seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-2*. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan purata tahunan pendapatan isi rumah Bumiputera adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 8.9% setahun berbanding 8.8% pada peringkat nasional.


*Paparan 3-2*  
**Pengagihan Pendapatan Antara Kumpulan Etnik, 2009-2014**



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

3.23 Nisbah ketidaksamaan pendapatan antara Bumiputera dengan Cina pada tahun 2014 adalah pada nisbah 1:1.38 sepermulaan tahun 2009. Walau bagaimanapun, nisbah antara Bumiputera dengan India telah meningkat daripada 1:1.10 kepada 1:1.13 manakala bagi India dengan Cina menurun daripada 1:1.25 kepada 1:1.23. Namun, ketidakseimbangan pendapatan keseluruhan telah bertambah baik dengan penurunan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-3*.


*Paparan 3-3*  
**Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan antara Kumpulan Etnik, 2009-2014**



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

3.24 Pada tahun 2014, insiden kemiskinan dalam kalangan Bumiputera pada kadar 0.8% adalah lebih tinggi daripada kadar nasional iaitu 0.6% serta Cina pada kadar 0.1% dan India 0.6%, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-3*. Insiden kemiskinan dalam kalangan Bumiputera di luar bandar adalah pada kadar 1.8% manakala di bandar pada kadar 0.4%.

3.25 Pelaksanaan Agenda Pembangunan Bumiputera kekal penting kerana Bumiputera merupakan kira-kira 68.2% atau 19.2 juta daripada jumlah anggaran 28.1 juta penduduk pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, 78% tinggal di Semenanjung Malaysia, 12.1% di Sabah dan Labuan, dan 9.9% di Sarawak. Seramai 12.9 juta atau 67.2% Bumiputera tinggal di bandar manakala seramai 6.3 juta atau 32.8% di luar bandar. Taburan isi rumah Bumiputera mengikut strata, wilayah dan kategori pendapatan adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-4*.

*Paparan 3-4***Taburan Isi Rumah Bumiputera Mengikut Strata, Wilayah dan Kumpulan Isi Rumah, 2014**

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

3.26 Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif di bawah Agenda Pembangunan Bumiputera secara berterusan untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Isu utama adalah penyertaan yang rendah dalam bidang profesional dan pekerjaan berkemahiran tinggi; sasaran pemilikan kekayaan belum tercapai; keupayaan untuk memiliki aset bukan kewangan yang rendah; pembangunan komuniti ekonomi Bumiputera (BEC) masih ketinggalan; dan kekurangan penyelaras dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

### Penyertaan yang Rendah dalam Bidang Profesional dan Pekerjaan Berkemahiran Tinggi

3.27 Pencapaian pendidikan dan penguasaan kemahiran yang rendah dalam kalangan tenaga buruh Bumiputera membataskan peluang untuk menjawat pekerjaan bergaji tinggi dalam pasaran tenaga kerja. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LFS) 2014, tenaga kerja Bumiputera yang mendapat pendidikan peringkat menengah dan ke bawah adalah 69.8%. Dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun, hanya 72% Bumiputera

3.28 menamatkan pendidikan peringkat menengah dan ke bawah. Manakala hanya 38.1% dalam kumpulan umur 25 hingga 40 tahun mempunyai pendidikan peringkat tinggi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-5*.

*Paparan 3-5***Pencapaian Pendidikan Tenaga Kerja Bumiputera Mengikut Kumpulan Umur, 2014**

Pencapaian Pendidikan/ Kumpulan Umur	15-24 tahun		25-40 tahun		41-64 tahun		Jumlah	
	('000)	%	('000)	%	('000)	%	('000)	%
Tiada pendidikan rasmi	11.0 6.6	0.8 14.6	24.5 59.8	0.6 78.8	132.2 100.0	4.8 100.0	167.7 100.0	2.1
Rendah	68.6 8.0	4.7 26.1	222.8 65.9	5.9 33.0	563.7 100.0	20.3 100.0	855.1 100.0	10.6
Menengah	972.6 21.2	66.5 45.8	2,104.7 33.0	55.4 38.1	1,516.6 23.5	54.5 20.5	4,593.9 2,426.8	57.1 30.2
Tertiari	410.2 16.9	28.0 59.6	1,446.2 23.5	38.1 23.5	570.4 100.0	20.5 100.0	2,426.8 100.0	30.2
<b>Jumlah</b>	<b>1,462.4</b>	<b>100.0</b>	<b>3,798.2</b>	<b>100.0</b>	<b>2,782.9</b>	<b>100.0</b>	<b>8,043.6</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

3.29 Pada tahun 2014, 65.3% Bumiputera bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan 9.3% dalam pekerjaan berkemahiran rendah. Dari segi kumpulan umur, 87.7% Bumiputera berumur di antara 15 hingga 24 tahun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Sebaliknya, hanya 30.8% Bumiputera dalam kumpulan umur 25 hingga 40 tahun adalah pekerja mahir, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-6*. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Guna Tenaga Sektor Informal 2013, 74.8% daripada 1.2 juta jumlah tenaga kerja dalam sektor tidak formal merupakan Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, 46.8 % merupakan pekerja sektor tidak formal di luar bandar.

*Paparan 3-6***Pekerjaan Mengikut Kategori Kemahiran dan Kumpulan Umur, 2014**


Kategori Kemahiran/ Kumpulan Umur	15-24 tahun		25-40 tahun		41-64 tahun		Jumlah	
	('000)	%	('000)	%	('000)	%	('000)	%
Mahir	158.3 8.0	12.3 57.9	1,143.5 34.0	30.8 35.9	671.9 34.0	24.3 100.0	1,973.6 100.0	25.4
Separuh mahir	972.9 19.2	75.5 44.9	2,279.3 35.9	61.3 35.9	1,822.3 37.9	65.8 100.0	5,074.5 100.0	65.3
Mahir rendah	156.7 21.6	12.2 40.5	294.5 37.9	7.9 10.0	275.6 37.9	10.0 100.0	726.8 100.0	9.3
<b>Jumlah</b>	<b>1,287.9</b>	<b>100.0</b>	<b>3,717.3</b>	<b>100.0</b>	<b>2,769.8</b>	<b>100.0</b>	<b>7,774.9</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

3.30 Dasar pendidikan dan latihan yang dilaksanakan telah berjaya menghasilkan tenaga kerja Bumiputera berkelayakan. Walau bagaimanapun, LFS 2014 menunjukkan Bumiputera merupakan 25.4% tenaga kerja dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional. Di

samping itu, nisbah Bumiputera dalam pekerjaan profesional berdaftar terpilih adalah sebanyak 36.1%. Bumiputera merupakan 8.1% akauntan bertauliah, 35.5% jurutera dan 38.9% arkitek, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-7*.

*Paparan 3-7*  
**Profesional Berdaftar Terpilih bagi Bumiputera, 2010 & 2014**



Sumber: Institusi Profesional Berdaftar

## Sasaran Pemilikan Kekayaan Belum Tercapai

3.31 Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dari segi nilai tara meningkat dalam tempoh RMKe-10. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat di peringkat makro. Pemilikan kekayaan dalam kalangan komuniti Bumiputera juga tidak seimbang. Sebagai contoh, 71.5% daripada pemegang Amanah Saham Bumiputera (ASB) mempunyai simpanan kurang daripada RM5,000 dalam akaun manakala 9.3% pemegang akaun tertinggi menguasai 77.8% daripada jumlah keseluruhan unit. Di samping itu, pemilikan melalui institusi Bumiputera kurang memberikan kesan *trickle-down* kepada komuniti Bumiputera. Dari segi nilai pasaran<sup>1</sup>, Syarikat Awam Tersenarai (PLC) milik Bumiputera adalah 16.1% pada tahun 2011 dan meningkat kepada 16.8% pada tahun 2014.


<sup>1</sup> Metodologi yang digunakan oleh EKUINAS untuk mengira jumlah permodalan pasaran Bumiputera adalah berdasarkan nilai pasaran bagi keseluruhan *Bumiputera-controlled PLC* mengikut kriteria berikut:

- (i) PLC mempunyai sekurang-kurangnya 35% kuasa mengundi yang dimiliki secara agregat sehingga dua atau tiga kumpulan, syarikat atau institusi Bumiputera yang dikenalpasti.
- (ii) Tiada kumpulan, syarikat atau institusi bukan Bumiputera Kumpulan yang dikenalpasti yang memegang kuasa mengundi lebih daripada kumpulan, syarikat atau institusi Bumiputera.
- (iii) Termasuk PLC dengan kuasa mengundi yang dipegang oleh agensi amanah Bumiputera yang berkaitan dan institusi dana seperti PNB, MARA, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

## Keupayaan untuk Memiliki Aset Bukan Kewangan yang Rendah

3.32 Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2010, sebanyak 21.2% Bumiputera tidak memiliki sebarang harta kediaman. Laporan Pasaran Harta Tanah Negara 2014 pula menunjukkan bilangan dan nilai transaksi Bumiputera sebagai pemilik baharu adalah rendah, seperti dalam *Paparan 3-8*. Dalam pasaran primer, Bumiputera merekodkan 26,839 transaksi unit kediaman baharu bernilai RM7.7 bilion daripada 55,165 transaksi bernilai RM21.6 bilion pada tahun 2014. Selain itu, hanya 711 transaksi unit komersial baharu bernilai RM422.6 juta melibatkan Bumiputera daripada 5,313 transaksi bernilai RM4.7 bilion. Bagi unit industri yang baharu, 39 transaksi bernilai RM35.6 juta melibatkan Bumiputera daripada 1,103 transaksi bernilai RM1.4 bilion. Dalam pasaran sekunder, transaksi Bumiputera juga adalah rendah.

*Paparan 3-8*  
**Nilai Transaksi Aset Bukan Kewangan dalam Pasaran Primer dan Sekunder, 2014**



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

## Pembangunan Komuniti Ekonomi Bumiputera Masih Ketinggalan

3.33 Salah satu isu utama bagi pembangunan BEC adalah kekurangan akses kepada modal dan kemudahan pembiayaan. Kebanyakan PKS Bumiputera kurang keupayaan untuk memenuhi syarat berorientasikan komersial yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Keadaan ini disebabkan sebahagian besar daripada perniagaan Bumiputera merupakan perusahaan mikro yang tertumpu dalam sektor tidak formal dan terlibat dalam aktiviti bernilai tambah rendah.

3.34 Satu lagi isu yang dihadapi oleh BEC adalah produk dan perkhidmatan yang kurang berdaya saing menyebabkan akses kepada pasaran domestik dan global terhad. Sebagai contoh, jumlah eksport Bumiputera dalam industri perabot hanya RM25.2 juta atau 0.4% daripada jumlah keseluruhan eksport bernilai RM6.3 bilion pada tahun 2014. Pembangunan

produk baru dan berinovasi yang memenuhi piawaian juga terhad disebabkan kekurangan kapasiti melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Rantaian bekalan dan jaringan pengedaran juga tidak memberi kelebihan untuk meningkatkan daya saing BEC.

3.35 Kebergantungan perusahaan mikro Bumiputera secara berterusan kepada Kerajaan, GLC dan GLIC serta aktiviti Ali Baba dan *spurious-front* telah membataskan keupayaan untuk bersaing dalam pasaran terbuka. Tanpa penyertaan secara efektif dan penguasaan pasaran yang signifikan, sasaran untuk mencapai Agenda Pembangunan Bumiputera tidak dapat direalisasikan.

### **Kekurangan Penyelarasan dalam Sistem Penyampaian**

3.36 Walaupun TERAJU telah ditubuhkan untuk meneraju, menyelaras dan memacu penyertaan ekonomi Bumiputera, masih terdapat ruang penambahbaikan dalam penyelarasan inisiatif Agenda Pembangunan Bumiputera dalam kalangan agensi. Ketiadaan satu pangkalan data yang komprehensif telah mengakibatkan pertindihan dan memberi kesan dalam pelaksanaan program.

## **IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU**

3.37 Falsafah pertumbuhan dengan ekuiti akan diteruskan dalam tempoh RMKe-11 dengan pembangunan secara inklusif sebagai asas pendekatan. Dalam konteks ini, Agenda Pembangunan Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional dan dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit, ketelusan serta pro-pertumbuhan dan kemampanan. Keutamaan akan diberikan kepada meningkatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran, menyediakan pekerjaan bergaji tinggi, meningkatkan pemilikan ekuiti sektor korporat dan aset bukan kewangan serta menggalakkan perniagaan dan keusahawanan.


3.38 Peningkatan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran dan profesional berdaftar akan menambah penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi. Dalam konteks ini, Bumiputera akan menguasai sekurang-kurangnya 60% pekerjaan dalam kategori mahir. Sasaran pemilikan ekuiti sektor korporat akan diperluaskan kepada sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti dengan penguasaan efektif. Sasaran pemilikan kekayaan pula akan diperluaskan kepada sekurang-kurangnya 90% isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman dan sekurang-kurangnya 30% pemilikan hartanah komersial dan perindustrian. Dalam aspek keusahawanan, 30 Jaguh nasional, 10 Jaguh serantau dan 5 Jaguh antarabangsa akan dilahirkan. Bagi mencapai sasaran ini lima strategi utama akan dilaksanakan seperti berikut:

- Memperkasa Modal Insan Bumiputera
- Meningkatkan Penguasaan Efektif Bumiputera dan Mengelakkan Pemilikan Korporat yang Mampan
- Memperluas Syer Pemilikan Kekayaan Bumiputera
- Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera
- Memperkuuh Keberkesanan Penyampaian Program Berorientasikan Bumiputera

Bagi melaksanakan strategi ini, 14 inisiatif telah dikenal pasti, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-9*.

*Paparan 3-9*

### Kanvas Strategi untuk Memperkuuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan



## Memperkasa Modal Insan Bumiputera

### Menyediakan Latihan Mengikut Keperluan Industri

3.39 Latihan sisipan industri dan program pembangunan usahawan Bumiputera yang lebih berstruktur dilaksanakan untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan dalam semua sektor. Tenaga kerja Bumiputera akan dilengkapi dengan keupayaan untuk

mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dan peluang keusahawanan dalam pasaran domestik dan global. Dalam konteks ini, institusi latihan yang melaksanakan latihan berkemahiran rendah seperti Institut Kemahiran MARA (IKM) dan GIATMARA akan ditransformasi bagi menyediakan modul latihan kemahiran yang komprehensif.

### ***Memperluas Latihan Kemahiran Tinggi dan Program Profesional Bertauliah***

3.40 Program sisipan pekerjaan yang berjaya seperti Program Peneraju Skil di bawah YPPB akan diperluas bagi meningkatkan kemahiran Bumiputera. Pemain industri dalam sektor berimpak tinggi akan ditawarkan insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan kerjasama yang kukuh dengan institusi latihan kemahiran berkaitan untuk menyesuaikan modul latihan mengikut keperluan industri. Program ini akan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik dan memastikan graduan memperoleh pekerjaan. Di samping itu, Program Peneraju Profesional yang dijalankan oleh YPPB dan program lain seumpamanya akan diperluas untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan profesional bertauliah seperti akauntan, penganalisis kewangan dan jurutera. Sasaran untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi daripada 25.4% pada tahun 2014 kepada sekurang-kurangnya 60% pada tahun 2020.

### **Meningkatkan Penguasaan Efektif Bumiputera dan Pemilikan Korporat yang Mampan**

#### ***Memperluas Strategi Pelaburan untuk Menambah Baik Pemilikan Ekuiti Korporat***

3.41 Program pengukuhan ekuiti korporat akan terus dilaksanakan bagi meningkat pemilikan ekuiti Bumiputera dengan penguasaan secara efektif. EKUINAS akan terus melabur dalam syarikat pertumbuhan tinggi bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama dan mampan. EKUINAS akan melupuskan pelaburan setelah syarikat mencapai peringkat matang dan bersedia bersaing dalam pasaran terbuka. Melalui pendekatan ini, EKUINAS dijangka meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dengan nilai sebanyak RM10 bilion atau dua kali modal yang dilabur.

3.42 TERAJU akan bekerjasama dengan EKUINAS untuk memperkuuh dan memperluas program SJJB bagi meningkatkan penyenaraian syarikat Bumiputera yang berpotensi di Bursa Malaysia. Di samping itu, MARA akan mengkaji semula program *The Baron* untuk memastikan penguasaan secara efektif dan pemilikan mampan Bumiputera dalam syarikat. PNB akan terus mempelbagaikan portfolio pelaburan ASB di pasaran hartanah untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang unit. Agensi dan institusi Bumiputera lain seperti Pelaburan MARA Berhad, Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan

memberi tumpuan kepada pengambilalihan syarikat yang berpotensi dan PLC yang menguntungkan.

### ***Meningkatkan Pelupusan Aset dan Aktiviti Bukan Teras GLC dan GLIC kepada Usahawan Bumiputera***

3.43 Pelupusan aset dan aktiviti bukan teras GLC dan GLIC yang menguntungkan kepada usahawan Bumiputera tulen akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan langsung individu Bumiputera secara berkesan. Bimbingan dan latihan bersasar secara berterusan akan diberikan sehingga syarikat Bumiputera ini mampu berdikari dalam mengendalikan perniagaan. Institusi kewangan akan membantu syarikat Bumiputera dari segi kecairan aset dalam proses pengambilalihan perniagaan daripada GLC dan GLIC. Kaedah pelupusan bersesuaian akan dibangunkan dan dipantau oleh TERAJU bagi memastikan kejayaan inisiatif ini.

### ***Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan Baharu bagi Aset Kewangan***

3.44 Pemilikan ekuiti individu Bumiputera ditingkatkan dengan membenarkan pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB2 bagi memberikan pulangan jangka masa panjang yang berdaya saing pada kadar risiko rendah. Di samping itu, dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian juga akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan.

## **Meningkatkan Syer Pemilikan Kekayaan Bumiputera**

### ***Mengukuhkan Program Berasaskan Institusi bagi Pemilikan Aset***

3.45 Tabung Amanah Pelaburan Hartanah Bumiputera akan terus diperkuuh bagi meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam harta komersial dan kediaman di lokasi strategik. Sehubungan ini, Dana AHB di bawah PHB akan digunakan untuk memperoleh atau membangunkan harta komersial dan projek pembangunan bercampur di lokasi strategik di bandar, terutamanya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

3.46 Aset berasaskan Bumiputera seperti tanah rizab Melayu dan tanah wakaf akan dibangunkan dengan pembinaan perumahan mampu milik bagi isi rumah Bumiputera. YWM, Majlis Agama Islam Negeri dan institusi berasaskan Bumiputera yang lain akan bekerjasama membangunkan tanah tersebut bagi mempertingkat nilai aset dan pada masa yang sama mengekalkan pemilikan Bumiputera.

3.47 Satu mekanisme akan diperkenalkan untuk membolehkan institusi Bumiputera membeli lot harta tanah Bumiputera yang tidak terjual di kawasan pembangunan baharu. Institusi ini akan memiliki harta tanah tersebut dan menerima hasil sewaan sehingga harta tanah ini dibeli oleh Bumiputera yang berminat. Di samping itu, organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) seperti MARA, TEKUN Nasional dan PUNB akan terus mendapatkan ruang niaga atau lot kedai di kawasan strategik untuk disewa kepada usahawan Bumiputera.

### **Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan Baharu bagi Aset Bukan Kewangan**

3.48 Dalam usaha membantu Bumiputera untuk memiliki harta tanah kediaman, lebih banyak rumah mampu milik akan dibina dengan menggunakan sumber dana, termasuk mekanisme tabungan *clawback*. Tabung ini adalah merupakan sumbangan daripada pihak pemaju harta tanah yang tidak mematuhi penetapan kuota Bumiputera dalam pembangunan harta tanah. Jumlah sumbangan bersamaan dengan nilai diskon unit kediaman Bumiputera yang dijual kepada bukan Bumiputera.

3.49 Dana Pusingan Hartanah Komersial Bumiputera akan ditubuhkan untuk membantu usahawan Bumiputera memperoleh harta tanah komersial. Inisiatif ini akan membolehkan usahawan Bumiputera daripada menyewa kepada memiliki harta tanah tersebut. PHB akan dilantik sebagai agensi peneraju, disokong oleh EDO untuk pembelian bersama harta tanah komersial. Hartanah ini akan disewa pajak kepada usahawan untuk dimiliki setelah tempoh pajakan tamat. YWM juga akan menggunakan dana wakaf untuk membangunkan harta tanah komersial di atas tanah wakaf.

### **Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera**

#### ***Mengurangkan Pembiayaan dalam Industri Bernilai Tambah Rendah dan Tidak Strategik***

3.50 AIM dan TEKUN Nasional akan terus menyediakan pembiayaan untuk perniagaan mikro. Walau bagaimanapun, institusi ini tidak digalakkan membiayai industri yang bernilai tambah rendah. PUNB, SME Corp dan MARA akan membantu PKS dalam industri bernilai tambah tinggi yang berpotensi untuk berkembang menuju ke kitaran perniagaan seterusnya, terutamanya dalam industri yang kurang penyertaan Bumiputera.

#### ***Mempergat Program Pembiayaan Usahawan***

3.51 Program pembiayaan usahawan akan dipergat bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan usahawan secara efektif dan bersepadu. Tumpuan akan diberikan

kepada industri yang mempunyai penyertaan usahawan Bumiputera yang besar, termasuk automotif, pembinaan, aeroangkasa dan pertahanan, perkhidmatan perniagaan, pendidikan, penjagaan kesihatan serta minyak dan gas. Program pembiayaan sedia ada seperti PROSPER, TeraS dan BEEP akan terus dilaksanakan. Bagi usahawan yang menghadapi masalah perniagaan, dasar peluang kedua akan diperkenalkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang berpotensi untuk meneruskan aktiviti perniagaan.

3.52 Dana wakaf serta perbankan dan institusi kewangan Islam akan dimanfaat untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam sektor strategik, terutamanya dalam industri Halal. Di samping itu, pendapatan daripada pelaburan dana wakaf berkenaan akan dilaburkan semula dengan sebahagiannya akan digunakan untuk aktiviti filantropi dan ibadah. Inisiatif ini akan mengurangkan kebergantungan usahawan Bumiputera kepada dana Kerajaan. Tabung wakaf korporat akan beroperasi secara patuh syariah tanpa menjelaskan kualiti atau mengurangkan jumlah dana atau aset yang diamanahkan.

### ***Mempertingkat Program Bersepadu Berorientasikan Pembangunan kepada Perusahaan Bumiputera***

3.53 VDP akan ditambah baik dengan mengambilkira kriteria graduasi yang jelas untuk memastikan kemampuan usahawan. GLC dan GLIC akan menerajui usaha pemasaran produk PKS Bumiputera. Di samping itu, program berimpak tinggi yang lain, termasuk *Groom Big* dan Inkubator GIATMARA akan terus dilaksanakan.

3.54 Perolehan dan kontrak Kerajaan akan terus menjadi instrumen penting untuk membangun usahawan Bumiputera. Walau bagaimanapun, instrumen ini akan disusun semula bagi memastikan Bumiputera yang berkemampuan, berkelayakan dan tulen dipilih melalui proses pemilihan yang bersesuaian berdasarkan meritokrasi dan daya saing untuk mengurangkan kegiatan Ali Baba dan *spurious-front*. Syarat pengambilan pekerja Bumiputera, sekurang-kurangnya 60% juga akan dikenakan ke atas usahawan yang terpilih. Kerajaan juga akan memperkenalkan dasar graduasi dan dasar penamatian yang bersesuaian untuk mengurangkan kebergantungan yang berterusan kepada perolehan dan kontrak Kerajaan.

3.55 Aktiviti R&D juga akan diberikan keutamaan bagi membolehkan PKS Bumiputera meningkatkan kualiti dan piawaian produk. Perkongsian pintar akan dibangunkan antara pusat R&D dengan PKS Bumiputera bagi menjamin penghasilan produk dan perkhidmatan yang inovatif. Sebagai contoh, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dijadikan sebagai pusat inkubator bagi memupuk PKS Bumiputera yang inovatif untuk membangunkan produk dan aplikasi ICT. Pinjaman mudah untuk aktiviti R&D disediakan kepada PKS Bumiputera dalam industri nilai tambah tinggi, berasaskan inovasi dan berteknologi tinggi untuk membolehkan mereka mematuhi piawaian dan pensijilan antarabangsa.

3.56 Dasar *carve-out* bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500 juta akan terus dilaksanakan. Di samping itu, kerja penyumberan luar akan terus diberikan kepada usahawan Bumiputera.

3.57 Dewan Perniagaan Bumiputera akan diperkemas dan dijenamakan semula ke arah pewujudan entiti tulen yang akan meneraju jaringan rantaian bekalan “dari ladang ke meja makan” bagi usahawan Bumiputera. Kumpulan usahawan Bumiputera yang berpotensi tinggi dalam kalangan peneraju industri akan dikenal pasti untuk membentuk konsortium jaringan rantaian bekalan, yang akan menyediakan sokongan kepada ekosistem perniagaan. Peruntukan khas termasuk pembiayaan dan akses yang lebih mudah kepada pasaran akan disediakan untuk memperkuuh konsortium ini. Ekosistem ini akan mewujudkan persekitaran yang kompetitif kepada Bumiputera di pasaran bagi menangani cabaran persaingan.

### ***Mempertingkatkan Program Perubahan Minda***

3.58 Pembangunan keusahawanan turut melibatkan program orientasi mengubah minda usahawan Bumiputera agar lebih berdikari supaya mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan, dan menghapuskan aktiviti Ali Baba dan *spurious-front*. Langkah ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap keyakinan usahawan Bumiputera supaya lebih berdaya tahan dan berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

### ***Menginstitusikan Perusahaan Berasaskan Komuniti dan Sosial***

3.59 Perusahaan berasaskan komuniti dan sosial merupakan organisasi yang menjadikan kepentingan sosial sebagai misi utama, seperti pengurangan kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar dengan menggunakan model perniagaan swasta bagi tujuan kelangsungan operasi. Usaha menginstitusi perusahaan ini akan disokong bagi memperkuuh perusahaan Bumiputera. Inisiatif ini melibatkan penggabungan perusahaan kecil Bumiputera serta penyatuan kebun kecil untuk mendapat manfaat ekonomi bidangan. Penggunaan teknologi moden dan sumber secara optimum akan meningkatkan produktiviti, pendapatan dan daya kemampanan. Kerajaan akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian serta latihan kepimpinan dan pengurusan bagi membangunkan kapasiti dan kapabiliti perusahaan berasaskan komuniti dan sosial. Perusahaan ini akan ditubuhkan berdasarkan model koperasi. Perusahaan ini akan digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat sedia ada untuk memperluaskan aktiviti.

## **Pemberian Insentif bagi Menggalakkan Penyertaan Pihak Swasta dan Industri**

3.60 Insentif kewangan dan bukan kewangan diteruskan untuk menggalakkan pihak swasta dan industri menyumbang kepada pembangunan keusahawanan Bumiputera. Insentif ini, antara lain adalah pelepasan cukai dan potongan cukai berganda. Insentif ini akan membolehkan usahawan Bumiputera menembusi pasaran dan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu yang disediakan oleh pihak swasta dan industri.

## **Mewujudkan Platform untuk Kerjasama Perniagaan dan Peluang Pemasaran**

3.61 Perusahaan Bumiputera akan disokong secara efektif melalui program meningkatkan PKS menjadi PLC atau syarikat besar tidak tersenarai. Program *Bridging* akan diperkenalkan bagi menyediakan kumpulan usahawan Bumiputera berwibawa untuk meningkatkan mereka ke tahap seterusnya. Institusi yang menyokong perusahaan berskala mikro dan kecil seperti AIM dan TEKUN Nasional akan mengenal pasti dan memilih usahawan yang berpotensi untuk dinaiktaraf ke skala yang lebih besar. PKS ini akan terus disokong oleh agensi yang berkaitan seperti MARA, SME Corp, PUNB dan TERAJU. Agensi ini akan memperkuuh jalinan kerjasama dalam kalangan mereka untuk melahirkan usahawan yang berjaya dan berdaya saing.

3.62 Program Baucar Pembangunan Perniagaan atau *Business Development Voucher Programme* akan diperkenalkan untuk menyediakan geran pemasaran bagi membantu usahawan memodenkan kemudahan, meneroka pasaran baharu dan menambah baik proses perniagaan. Program ini akan mewujudkan ekosistem yang inovatif dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan keuntungan.

3.63 Pusat Pengedaran Antarabangsa (IDC) akan ditubuhkan bagi membantu usahawan Bumiputera menembusi pasaran luar untuk memastikan daya maju perniagaan. Pengeksport PKS Bumiputera akan melaksanakan penyumberan luar kepada IDC bagi aktiviti perniagaan seperti pelabelan, pembungkusan, pengedaran, penyimpanan produk dan lain-lain perkhidmatan. Bagi meningkatkan akses pasaran antarabangsa, IDC perlu diuruskan oleh pihak swasta atau koperasi, berdasarkan inisiatif antara Kerajaan dengan Kerajaan. MITI dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan menyediakan perkhidmatan promosi rantaian eksport untuk menyediakan pelan perniagaan antarabangsa.

## Mengukuhkan Keberkesanan Penyampaian Program Berorientasikan Bumiputera

### ***Meningkatkan Agenda Pembangunan Bumiputera melalui Petunjuk Prestasi Utama yang Realistik dan Praktikal***

3.64 Pendekatan yang komprehensif akan dilaksanakan melalui pembentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang realistik dan praktikal bagi memperkuuh Agenda Pembangunan Bumiputera. Pangkalan data bersepada akan dibangunkan, yang mengandungi statistik daripada pelbagai kementerian dan agensi mengenai kedudukan sosioekonomi Bumiputera terutamanya pendidikan, guna tenaga, pemilikan kekayaan dan keusahawanan. Sistem Pemantauan KPI akan dibangunkan untuk memantau pelaksanaan dan kemajuan program pembangunan Bumiputera. MEB akan menilai semula kemajuan program pada setiap pertengahan tahun.

3.65 Peranan dan fungsi EDO yang berteraskan Bumiputera akan dikaji dan disusun semula untuk ditransformasi bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. UPEB di setiap kementerian dan agensi akan diperkuuh melalui penempatan semula modal insan dan pengagihan sumber mengikut kesesuaian bagi mempercepat pelaksanaan program pembangunan Bumiputera yang strategik. Prosedur Kerajaan juga akan dipermudah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dalam kalangan usahawan Bumiputera. Agensi awam, GLC dan GLIC, pertubuhan bukan kerajaan Bumiputera serta dewan perniagaan yang berkaitan akan bekerjasama secara simbiotik untuk membangunkan BEC.

## V. KESIMPULAN

3.66 Dalam tempoh RMKe-11, Agenda Pembangunan Bumiputera akan kekal sebagai komponen kritikal untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Melalui pembangunan secara inklusif, kesaksamaan peluang akan diberi kepada Bumiputera untuk terlibat dalam pembangunan sosioekonomi. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui memperkasa modal insan, meningkatkan penguasaan efektif dan mengekalkan pemilikan korporat, memperluas syer pemilikan kekayaan, memperkasa BEC dan mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera untuk memacu Agenda Pembangunan Bumiputera.